

Johor jadi perintis tenaga alternatif



MOHAMED KHALED NORDIN (dua dari kanan) dan Md. Jais Sarday (dua dari kiri) menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian antara Mohd. Noh Dalimin (kanan) dan Mohd. Yazid Ja'afar dalam majlis menandatangani memorandum persetujuan antara UTHM dan JPDC di Batu Pahat, Johor, semalam. - UTUSAN/ISHAK RAHMAD

BATU PAHAT 4 April - Negeri ini bersedia menjadi perintis penghasilan tenaga alternatif bahan bakar biodiesel negara, sekali gus mampu menjadi antara penjana utama tenaga global pada masa depan.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, usaha itu diharap dapat direalisasikan menerusi loji pemprosesan minyak dan gas Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) di sini yang siap dibina pada 2012 dengan kos RM13 juta.

Beliau berkata, loji berkeluasan 1,000 meter persegi yang direka untuk memproses minyak sawit mentah menjadi biodiesel itu juga diharap dapat membongkar potensi biodiesel daripada sumber tempatan.

“Loji itu juga adalah sebuah makmal yang signifikan kerana menjadi tempat mengkaji tenaga alternatif menggunakan bio-

diesel. Kita tahu Johor antara negeri pengeluar minyak sawit mentah terbesar di negara ini.

“Jadi, sudah tentulah ada bahan buangan daripada minyak sawit yang boleh digunakan sebagai tenaga alternatif,” katanya selepas merasmikan loji berkenaan di UTHM, di sini hari ini.

Pada majlis itu, beliau turut menyaksikan majlis menandatangani memorandum persetujuan (MoA) untuk memperkasakan modal insan antara UTHM yang diwakili Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin dan Johor Petroleum Development Corporation Bhd. (JPDC) diwakili Ketua Eksekutifnya, Mohd. Yazid Ja'afar.

Yang turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri, Md. Jais Sarday.